Tarikh Dibaca: 12 OKT 2018M I 03 SAFAR 1440H

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

# KHUTBAH JUMAAT

**Tajuk:**

## "ADAB DI DALAM MEDIA SOSIAL"

***

**Terbitan:**
**Unit Khutbah**
**Bahagian Pengurusan Masjid**
**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

# SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** **(Pengerusi)**
   **Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**

2. **Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** **(Ahli)**
   **Mantan Timbalan Pengarah,**
   **Jabatan Agama Islam Selangor**

3. **Ketua Penolong Pengarah,** **(Setiausaha)**
   **Bahagian Pengurusan Masjid,**
   **Jabatan Agama Islam Selangor**

4. **SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** **(Ahli)**
   **Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**

5. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** **(Ahli)**
   **Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**

6. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** **(Ahli)**
   **Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**

7. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** **(Ahli)**
   **Ketua Penolong Mufti (Fatwa),**
   **Jabatan Mufti Negeri Selangor**

8. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** **(Ahli)**
   **Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**

9. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** **(Ahli)**
   **Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**

10. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** **(Ahli)**
    **Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**

11. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** **(Ahli)**
    **Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**

12. **Hairol Azmi Bin Khairudin** **(Urus Setia)**
    **Penolong Pengarah (Unit Khutbah)**
    **Bahagian Pengurusan Masjid**

# "ADAB DI DALAM MEDIA SOSIAL"

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِل: مَا يَلْفِظُ مِن قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ﴿١٨﴾ [1]

أَشْهَدُ أَنْ لَّا إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وسَلِّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَآ أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اِتَّقُواْ اللَّهَ، أُوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَىٰ: يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسۡلِمُونَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah bersama-sama kita tingkatkan ketakwaan kita kepada Allah dengan melaksanakan segala suruhan Allah dan meninggalkan segala apa yang dilarang oleh Allah. Mudah-mudahan kita semua tergolong dalam kalangan orang-orang yang mendapat perlindngan Allah pada hari akhirat kelak.

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk ***"ADAB DI DALAM MEDIA SOSIAL."***

Sebelum meneruskan khutbah ini, khatib ingin mengingatkan sidang hadirin sekalian akan pesanan Rasulullah SAW supaya dapat menumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak bercakap-cakap

[1] Qaf : 18

serta tidak melakukan perkara yang sia-sia. Ini termasuk membuka telefon bimbit ketika khatib sedang menyampaikan khutbah.

**Hadirin sidang Jumaat yang berbahagia,**

Media sosial kini telah menjadi kaedah alternatif untuk berhubung dengan seseorang. Ada yang dapat berjumpa semula dengan kenalan lama setelah berpuluh tahun tidak bertemu. Ada yang berkenalan dengan kenalan baharu dan mengenali pelbagai budaya, perniagaan dan bermacam-macam maklumat.

Hampir setiap dari kita mempunyai akaun media sosial yang digunakan untuk pelbagai perkara seperti Facebook, Twitter, Instagram, aplikasi Whatsapp dan sebagainya. Bahkan ada yang menghabiskan hampir keseluruhan waktunya pada media sosial. Statistik menunjukkan, sehingga Jun 2017, sebanyak 19 juta daripada rakyat Malaysia mempunyai akaun Facebook.

Ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia antara pengguna yang aktif dalam penggunaan media sosial. Namun dalam keghairahan kita menggunakan laman sosial itu, ada adab-adab dan peraturan yang perlu kita patuhi sebagai seorang muslim yang beriman kepada Allah SWT. Antaranya:

**1. Menyampaikan perkara yang baik.**

Laman sosial menjadi medan untuk kita berkongsi menyampaikan maklumat pada perkara yang baik kerana menyampaikan perkara-perkara yang baik akan memperoleh ganjaran pahala. Ini bertepatan dengan hadis Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu Anhu:

مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى، كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أُجُورِ مَنْ تَبِعَهُ.

*"Barangsiapa yang mengajak kepada kebaikan, maka ia akan mendapat pahala sebanyak mana pahala yang diperolehi oleh orang-orang yang mengikutnya."*

*(Riwayat Muslim).*

Oleh itu, kita hendaklah menjauhi dan menghentikan perkara yang tidak baik seperti fitnah, mengadu domba, membuka akaun palsu untuk mengaib dan menjatuhkan maruah orang lain, menghantar ayat-ayat berbaur lucah, hingga membawa kepada perselisihan dan persengketaan sesama manusia. Perbuatan yang buruk ini merupakan dosa yang wajib dihindari.

**2. Pastikan sahih, sebelum disebarkan.**

Kita sebagai pengguna media sosial juga hendaklah memastikan kesahihan sesuatu maklumat sebelum menyebarkannya kepada orang lain. Memastikan kesahihan ini merupakan satu kewajipan dan tanggungjawab bagi setiap individu. Walaupun penulisan itu bukan tulisan kita tetapi kita turut berdosa kerana bertindak menyebarkannya. Peringaratn ini dijelaskan oleh Allah SWT sepertimana firman-Nya dalam surah Qaf ayat 18 yang telah disebutkan pada awal khutbah ini bermaksud:

*"Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya)."*

Bahkan Nabi kita Muhammad SAW juga mengingatkan melalui sebuah hadis-Nya daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْعَبْدَ يَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ مَا يَتَبَيَّنُ فِيهَا يَزِلُّ بِهَا فِي النَّارِ أَبْعَدَ مِمَّا بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ.

*"Sesungguhnya seorang hamba apabila menuturkan satu perkataan yang tidak dipastikan kebenarannya terlebih dahulu, akan membawanya ke neraka yang jaraknya lebih jauh dari jarak antara timur dan barat."*

*(Muttafaqun Alaih).*

**3. Menjaga batas-batas pergaulan.**

Dalam pada kita asyik dengan pertemuan kawan-kawan lama, berkenalan dengan rakan baharu, ada batas yang perlu dijaga. Ikhtilat atau perbualan serta komunikasi dengan yang bukan muhrim secara melampau adalah satu perkara yang perlu kita lihat secara serius bagi mengelakkan mudharat di kemudian hari.

Semasa kita berkomunikasi di laman sosial, elakkan daripada berkomunikasi dengan terlalu mesra dan manja sehingga menimbulkan fitnah dan merosakkan hubungan dalam rumahtangga. Pastikan apa yang ingin disampaikan jelas dan nyata serta terus kepada maksud.

Akibat daripada batas perbualan yang tidak dikawal dengan sebaiknya dalam penggunaan media sosial, dibimbangi akan terjadi permasalahan hati yang menjerumus kepada keruntuhan akhlak. Oleh itu batasilah perbualan di laman sosial dengan sebaik mungkin.

**4. Menjaga keaiban.**

Ada dikalangan segelintir daripada kita yang terikut-ikut dengan trend masa kini yang secara tidak langsung suka membuka aib orang lain apabila menulis atau berkongsi sesuatu artikel. Lebih parah lagi apabila aib pasangan kita juga dijaja atau dibuka kepada umum dengan cara yang tidak kita sedari.

Oleh itu kita disuruh untuk menjaga dan tidak mendedahkan keaiban orang lain sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah Bin Umar Radhiallahu Anhuma bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ سَتَرَ مُسْلِماً سَتَرَهُ اللهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

*"Sesiapa yang menutupi (aib) seseorang muslim, maka Allah akan menutup aibnya pada hari kiamat.*"

*(Riwayat al-Bukhari).*

**Hadirin yang dimuliakan sekalian,**

Disamping adab-adab yang telah dinyatakan, sebagai pengguna media sosial hendaklah bijak menggunakan masa yang sesuai untuk berkomunikasi. Hindari menggunakannya ketika khatib sedang membaca khutbah Jumaat, ketika makan, memandu, ketika bergaul bersama-sama ahli keluarga, sejurus selesai solat hinggakan tiada masa untuk berdoa dan berzikir.

Adab-adab penggunaan media sosial bukanlah bertujuan untuk menyekat kebebasan seseorang, namun ia adalah untuk memastikan agar kita berjaya menjadi Muslim yang bertaqwa kepada Allah SWT, sekaligus menunjukkan imej sebagai seorang muslim yang berakhlak mulia.

Sebagai seorang muslim juga, kita adalah merupakan ejen penyebar kebaikkan kepada semua golongan masyarkat. Contohilah baginda Nabi SAW yang bermuamalat dengan kaumnya yang menentang baginda, contohilah baginda yang bersahabat dengan sahabatnya dan berkomunikasi dengan bukan muslim, contohilah baginda yang berurusan dengan kaum wanita dengan penuh tertib dan penuh dengan tatasusila kerana sesungguhnya pada diri baginda itu wujud serba serbi contoh yang perlu menjadi ikutan kita semua.

**Hadirin yang berbahagia sekalian,**

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita sama-sama mengambil pengajaran penting daripada khutbah ini antaranya:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa setiap perbuatan dan tindakan akan dipersoalkan dan dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT di akhirat kelak.

2. Umat Islam hendaklah menggunakan dan memanfaatkan media sosial pada perkara-perkara yang baik sahaja.

3. Umat Islam hendaklah menjaga dan tidak mendedahkan aib orang lain dalam apa juga keadaan.

4. Umat Islam dilarang menyebarkan perkara yang belum dipastikan lagi kebenaran atau kesahihannya.

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَقُولُوا۟ قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَٰلَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam Segala perkara), supaya ia memberi taufik dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan."*

*(Surah al-Ahzab : 70-71).*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلاَوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

******

MIOR/Nurul

27.09.2018

# KHUTBAH KEDUA

اَلْحَمْدُلِلَّهِ الَّذِيْ جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَّآ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُواْ اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا.

اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلاَنَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِيْنَ.

اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللَّهُمَّ أَعِزَّ الإِسْلاَمَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِيْنَ وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ. وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ.

اَللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الأَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَآئِكَ الْحُسْنَىٰ، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَىٰ، أَنْ تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلاَلَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَان سلاَغُور، سُلْطَان شَرَفُ الدِّين ادريس شاه الحاج، ابن المرحوم سُلْطَان صَلاَحُ الدِّين عبد العزيز شاه الحاج. اَللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلاَمَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاَغُور، تڠكو أَمِير شَاه، اِبْنِ السُّلْطَان شَرَفُ الدِّين ادريس

شاه الحاج، فِيْ أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَاالْجَلَالِ وَالإِكْرَامِ. اَللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.

رَبَّنَا هَبۡ لَنَا مِنۡ أَزۡوَٰجِنَا وَذُرِّيَّٰتِنَا قُرَّةَ أَعۡيُنٖ وَٱجۡعَلۡنَا لِلۡمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ.

عِبَادَ اللهِ، إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُواْ اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوْهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

*****